

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
(HULU RAJANG)**

**TARIKH : 6 OKTOBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status Jalan Jiwa Murni Nanga Merit - Belaga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Jiwa Murni bagi pembinaan jalan dari Nanga Merit ke Belaga sepanjang 130 km yang melibatkan kos berjumlah RM316 juta telah mula dilaksanakan pada 4 Mei 2016 dan dijangka siap sepenuhnya pada hujung tahun 2021. Walau bagaimanapun, pandemik Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020 telah menyebabkan perlaksanaan aktiviti kerja di tapak tergendala. Kemajuan terkini adalah 82% dan projek dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya pada Oktober 2022.

Penularan wabak Covid-19 telah menjaskan kelancaran pelaksanaan projek-projek ini. Namun demikian, pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan kerjasama dari agensi kerajaan yang lain akan terus komited untuk menyiapkan projek ini dalam tempoh yang telah ditetapkan demi kepentingan penduduk setempat.

Terima kasih.